

Raja - Mahathir
MAJLIS TERTINGGI PERAKU TAMATKAN KEISTIMEWAAN DI LUAR PERLEMBAGAAN
KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO hari ini
memperakukan keputusan memberhentikan pemberian segala bentuk keistimewaan
yang di luar Perlembagaan kepada Raja-raja yang antara lain turut
menamatkan pemberian konsesi tanah dan hutan kepada mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan
kerajaan bersabit perkara itu yang diputuskan Jemaah Menteri Rabu lepas,
berkuatkuasa serta merta.

"Apa yang menjadi hak bagi mereka memang kita akan beri...kita tidak
akan tarik balik. Tetapi, yang lebih itu, kita terpaksa tarik balik.

"Umpamanya, tidak ada peruntukan untuk supplement gaji...kononnya gaji
mereka tidak mencukupi, justeru itu perlu disokong dengan pemberian tanah
dan pemberian hutan," kata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO pada
persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat khas MT di ibu pejabat
UMNO di sini.

Mesyuarat yang berlangsung hampir empat jam itu diadakan bagi
membincang isu pindaan Perlembagaan untuk menghadkan imuniti Raja-raja;
yang telahpun diluluskan Parlimen minggu lepas. -- Lagi.

▼26/01/20-21MST

CNS1880

U PB 26-01 00131 BH044

BAH

Raja - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Pada persidangan akhbar itu, Perdana Menteri menarik perhatian kepada
topik bersabit cara hidup dan perbelanjaan mewah Raja-raja yang kini
disiarkan secara meluas oleh media massa.

Dr Mahathir berkata: "Perkara ini memang telah lama menarik perhatian
kerajaan dan UMNO kerana kita memang sedar bahawa layanan kepada Raja-raja
melebihi daripada yang diperuntukkan undang-undang dan Perlembagaan.

"Kita telah lama cuba untuk menolak tuntutan-tuntutan yang di luar
daripada undang-undang oleh Raja tetapi kita cuba ini dengan cara yang
tertib mengikut adat resam.

"Malangnya tidak berkesan, sebaliknya imuniti bagi Raja-raja
dilanjutkan kepada anak mereka," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan bukannya menolak tuntutan
daripada Raja-raja kerana sekiranya ditolak, ia akan menyebabkan hubungan
kerajaan dan Raja-raja menjadi tegang. -- Lagi.

▼26/01/20-23MST

CNS1883

U PB 26-01 00116 BH045

BAH

Mahathir - Raja 3 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, kerajaan kini mengubah pendiriannya kerana Raja-raja
bertindak mengambil pendirian berpegang kepada undang-undang dan tidak lagi
pada apa yang beliau sifatkan sebagai +semangat Perlembagaan+ dalam isu
pindaan perlembagaan ini.

"Kerajaan akan berpegang pada undang-undang dan tidak lebih daripada
itu," katanya.

"Perkara ini disokong penuh oleh MT dan kita berpendapat rakyat pun
mempunyai pendirian yang sama," tambah beliau.

(Majlis Raja-raja menolak cadangan pindaan itu dan mahu kerajaan
mengadakan perbincangan lanjut mengenainya).

Perdana Menteri mengulangi bahawa pindaan itu hanya untuk menghadkan
imuniti Raja-raja.

Beliau juga berkata bahawa peruntukan tahunan kepada istana di seluruh
negara berjumlah kira-kira RM200 juta. -- Lagi.

CNS1887

U PB 26-01 00190 BH046

BAH

Raja - Mahathir 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak sama sekali berniat untuk hapus sistem beraja. Hanya kita ingin berpegang pada perlembagaan yang menentukan kedudukan Raja-raja sebagai Raja Berpelembagaan.

"Kita akan ada hubungan dengan Raja mengikut apa yang ditentukan oleh undang-undang. Adalah tidaklah benar kita akan putus hubungan dengan Raja. Di mana perlu, kita akan adakan hubungan," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak bercadang mengadakan lawatan seluruh negara tetapi akan mengambil kesempatan daripada aturcara-aturcara beliau untuk menerangkan perkara itu.

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, terpulang kepada Raja-raja sama ada akan mengambil tindakan undang-undang untuk mencabar pindaan perlembagaan yang telah diluluskan Parlimen itu.

Beliau, bagaimanapun, tidak dapat memastikan sama ada rang undang-undang telah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan, sambil menjelaskan bahawa ia diuruskan oleh Parlimen.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan berkompromi dengan Raja-raja seperti penyelesaian pada krisis Perlembagaan 1983, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan berkompromi atas prinsip pindaan itu iaitu menghadkan imuniti Raja.

Katanya, kerajaan tidak boleh membenarkan Raja-raja memukul rakyat ataupun tidak menyelesaikan hutang piutang mereka. -- Bernama.

▼26/01/20-38MST

CNS1900

U PB 26-01 00120 BH053

BAH

(Ulangan Membetulkan Slug)

Raja - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, kerajaan kini mengubah pendiriannya kerana Raja-raja bertindak mengambil pendirian berpegang kepada undang-undang dan tidak lagi pada apa yang beliau sifatkan sebagai +semangat Perlembagaan+ dalam isu pindaan perlembagaan ini.

"Kerajaan akan berpegang pada undang-undang dan tidak lebih daripada itu," katanya.

"Perkara ini disokong penuh oleh MT dan kita berpendapat rakyat pun mempunyai pendirian yang sama," tambah beliau.

(Majlis Raja-raja menolak cadangan pindaan itu dan mahu kerajaan mengadakan perbincangan lanjut mengenainya).

Perdana Menteri mengulangi bahawa pindaan itu hanya untuk menghadkan imuniti Raja-raja.

Beliau juga berkata bahawa peruntukan tahunan kepada istana di seluruh negara berjumlah kira-kira RM200 juta. -- Lagi.

▼26/01/21-08MST